

21 SEP 1998

Abu Zahar - Anwar

TINDAKAN ANWAR BERTUJUAN MEMALUKAN NEGARA, KATA ABU ZAHAR

MELAKA, 21 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bertujuan memalukan negara menerusi perhimpunan haram di Masjid Negara dan di Dataran Merdeka semalam.

Beliau sehubugan itu menasihati pengikut serta penyokong Anwar supaya kembali kepada keadaan asal dengan tidak melakukan tindakan-tindakan ganas.

"Perbuatan itu bukan budaya masyarakat tempatan, semuanya angkara dengan siri jelajah reformasi Anwar yang membangkitkan semangat menentang kepada para pengikutnya, " kata Abu Zahar sewaktu ditemui pemberita di sini hari ini.

Budaya yang ditonjolkan oleh Anwar sangat merbahaya kepada semua rakyat negara ini lebih-lebih lagi kepada bangsa Melayu dengan gesaannya supaya menjatuhkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Abu Zahar.

Menurut Abu Zahar, Anwar telah meracuni pengikutnya supaya melemparkan batu di kediaman Perdana Menteri di Sri Perdana serta membangkitkan imej kebencian kepada Dr Mahathir.

Beliau berkata penahanan Anwar di bawah Akta Keselamatan Dalam Negera (ISA) adalah tepat pada masanya bagi mengawal kestabilan serta ketenteraman awam.

"Beliau (Anwar) melanggar undang-undang malahan tindakannya mencabar polis berbuat sesuatu terhadapnya, " kata Abu Zahar.

-- Bernama

NO WAT